

# IOQRA'

Bil. 1/2022

JANUARI

eISBN : 2735-1920



**LIVE@PTAR Misi Kesukarelawan: Duta Sosial & Kebajikan**  
PTAR Shah Alam - muka 6



**Perbincangan Kolaborasi Antara PTAR & Unit Perkhidmatan OKU**  
PTAR Shah Alam - muka 10



**Library Outreach Bersama Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2021/2022**  
PTAR Alor Gajah - muka 15



**LIVE@PTDI Sembang Santai: Dari Segamat ke England**  
PTAR Segamat - muka 22



**LIVE@PTAR Better Marks Secrets Online Databases**  
PTAR Kedah - muka 33

**PROMOSI@PTAR**





# KUNJUNG HORMAT PTAR KEPADA REKTOR UiTM CAWANGAN MELAKA: PENGURUSAN REKOD UNIVERSITI 14 JANUARI 2022

Disediakan oleh: Ilya Nur Fateen Othman

**BULETIN  
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
KAMPUS ALOR GAJAH, MELAKA



Pada 14 Januari 2022 Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka telah menjalankan Kunjung Hormat: Pengurusan Rekod Universiti Kepada Rektor UiTM Cawangan Melaka, Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi bin Zaini. Program ini dijalankan secara terus atau bersemuka selama 2 jam. Penerangan mengenai pengurusan rekod universiti ini telah disampaikan oleh Cik Ilya Nur Fateen Othman, Pustakawan, Unit Arkib PTAR UiTM Cawangan Melaka. Program ini merupakan inisiatif PTAR bagi memantapkan Pengurusan Arkib Universiti melalui kerjasama dan komunikasi dua hala antara Perpustakaan dengan pihak Pengurusan Tertinggi UiTM Cawangan Melaka. Objektif program ini juga adalah untuk mempromosi perkhidmatan sedia ada dan yang baharu bagi memastikan Unit Arkib Cawangan dikenali dan diketahui oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang ada di UiTM Cawangan Melaka untuk bekerjasama dalam memantapkan Pengurusan Rekod Universiti di UiTM Cawangan Melaka. Program ini turut disertai oleh Timbalan Ketua Pustakawan, Puan Noor Hayati binti Abu Kassim, Pustakawan Kanan, Puan Maznah binti Maarof, 4 staf dari Unit Arkib dan 2 orang pelajar latihan industri.

Antara perkara yang akan dibincangkan adalah seperti berikut:

1. Pengenalan Organisasi PTAR UiTM Cawangan Melaka
2. Pengenalan Unit Arkib Cawangan Melaka
3. Perkhidmatan Unit Arkib Cawangan Melaka
4. Laporan Aktiviti Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka
5. Isu dan Cabaran Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka

